

Nama:

Tajuk Imbuhan

Pilih IMBUHAN yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.(PSR 2015)

- a) Ibu selalu ___**pesan** kepada saya supaya belajar bersungguh-sungguh.
(me , ter , ber)
- b) Fahmi dan ayahnya menyaksikan _____ **lawan**_____ bola sepak di Stadium Hassanal Bolkiah. (ber-an , per-an , me-kan)
- c) Anak yang soleh tidak akan _____ **bantah** segala arahan ibu bapa.
(mem , di , ber)
- d) Munir bercita-cita menjadi seorang _____ **lukis** terkenal pada masa akan datang. (pe , ter , me)
- e) Beberapa buah bank tempatan telah melonggarkan syarat **pinjam**_____ kepada peniaga-peniaga kecil tempatan. (an , kan , i)
- f) Sebelum tidur ibu selalu _____ **baca**_____ kami sebuah buku cerita teladan. (mem-kan , pem-kan , me-an)
- g) Dewan sekolah ini sudah _____ **penuh**_____ oleh ibu bapa yang hadir untuk menyaksikan persembahan anak-anak mereka.
(meng-kan , di-i , ber-kan)

- h) Rumah orang miskin itu ___**atap**___ daun nipah sahaja.
(me-kan , ke-an , ber-kan)
- i) Maslina membentangkan hasil ___**bincang**___ mereka di hadapan kelas. (per-an , mem-kan , di-kan)
- j) Kereta ayah yang rosak sudah dibaiki dan kami tidak perlu berjalan kaki ke sekolah mula___**esok**__. (an , i , kan)

Pilih IMBUHAN yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.(PSR 2016)

- a) Siti Mardina akan ___**lanjut**___ pelajaran ke luar negara.
(mem-kan, di-i , men-kan)
- b) Seorang pemuda ___**tanya**___ arah menuju ke rumah Haji Zahari.
(ber-kan , di-kan , meng-kan)
- c) Sorak-sorai dan bunyi tepukan para penonton ___**gamat**___ ruang dalam stadium itu. (me-an , meng-kan , men-an)
- d) Pesakit itu dinasihati supaya mengurangkan ___**ambil**___ makanan yang berkarbohidrat dan berlemak. (Pen-kan , di-kan , peng-an)
- e) Azman ___**dapat**___ tempat kedua dalam pertandingan pidato peringkat daerah. (di , men , pen)

- f) Adik tertidur di ruang tamu kerana **___letih___**. (me-an , di-kan , ke-an)
- g) **___dengar___** datuk sudah kurang jelas. (Ke-an , Men-kan , Pen-an)
- h) “**Pindah___** meja itu ke tepi sedikit,” kata ayah. (an , kan , i)
- i) **___malam___** Muhammad Fadhli tidak dapat tidur memikirkan hal itu.
(Ber-an , Se-an , Di-an)
- j) Dia menerkam pencuri itu lalu terjadilah satu **___gelut___**.
(ter-an , peng-an , per-an)

Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.(PSR 2017)

1. **___guna___** komputer dapat mempercepatkan segala urusan khususnya dalam penyimpanan data.
(Peng-an , Ke-an , Ber-nya)
2. Azri berusaha **___baik___** basikalnya yang rosak.
(pem-kan , di-i , mem-i)
3. Setelah **melalu___** pelbagai rintangan, akhirnya mereka sampai ke tempat yang dituju. (an , kan , i)
4. Penduduk kampung **___setuju** dengan penerangan pembinaan bangunan kedai di kampung itu. (ter , ber , me)

5. Pihak polis memberi pingat ___berani___ kepada Muhammad Wafi kerana membantu mereka menangkap perompak tempoh hari.
(di-kan , ke-an , pem-an)
6. ___jalan___ hidup yang dilaluinya sangat menyedihkan.
(Pe-an , Men-i , Per-an)
7. Pada tahun ini ekonomi negara di jangka ___alam___ perkembangan pesat. (peng-an , per-an , meng-i)
8. Mereka mengembara di Pulau Borneo ___pandu___ peta.
(di-kan , ber-kan , mem-kan)
9. Abang ___buka___ kasut sebelum masuk ke dalam rumah.
(mem , men , meng)
10. Kawasan perumahan di tanah tinggi itu ___diam___ oleh pegawai-pegawai kerajaan. (di-i , men-i , men-kan)

Pilih IMBUHAN yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.(PSR 2018)

1. Lampu-lampu yang dipasang di rumah Abu _____gemerlap_____.
(ber-an , di-kan , men-kan)

2. Mereka ___**baik**___ pondok perhentian bas yang telah usang itu.
(di-i , mem-i , per-i)
3. Sebelum tidur ibu akan ___**baca**___ buku cerita kepada adik.
(pem-kan , di-i , mem-kan)
4. Bandar Seri Begawan ___**mandi**___ cahaya lampu yang berwarna-warni. (ber-kan , di-i , me-i)
5. ___**dengar**___ Pakcik Halim sudah berkurangan.
(Pe-kan , Peng-kan , Pen-an)
6. Orang-orang Utan ___**gayut**___ di atas pokok.
(ber-kan , di-kan , meng-i)
7. Pengemis itu tidur ___**bantal**___ lengan.
(ber-kan , di-kan , mem-an)
8. Polis bertugas untuk menjaga ___**selamat**___ orang ramai.
(di-kan , ke-an , mem-kan)
9. Kempen membaca diadakan untuk ___**galak**___ orang ramai gemar membaca. (di-kan , meng-kan , per-kan)
10. Air mata ibu ___**cucur**___ apabila mendengar berita sedih itu.
(ber-an , di-i , ter-an)

Pilih IMBUHAN yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.(PSR 2019)

1. Beberapa ekor tikus _____keliar_____ di kawasan pembuangan sampah itu. (pe -an ,ber - an , ber - kan)
2. Hasim _____rupa_____ seorang pelajar yang bijak.
(be - kan , me - i , me - kan)
3. Negara Brunei Darussalam ialah destinasi _____lancong_____ yang menarik. (me -an , pe - an , per - an)
4. Menteri itu tidak tinggal di _____diam_____ rasmi beliau.
(ke -an , di - i , ter - kan)
5. Tolong masuk_____ barang-barang itu ke dalam kereta.
(an , i , kan)
6. Kakak _____alas meja dengan sehelai kain biru.
(meng , di , ber)
7. Suraya amat _____minat_____ mata pelajaran Bahasa Melayu.
(ter-i , ber-kan , me - i)
8. Adik Ammat _____letak_____ beg sekolahnya di atas meja.
(di-kan , me-kan , mem-kan)
9. Ah Seng pergi ke hospital untuk _____ziarah_____ datuknya.
(mem-i , di-i , men-i)

10. Keputusan pertandingan mewarna lukisan akan
_____umum_____ tidak lama lagi.
(di-kan , peng -an , di -an)

PSR 2005

Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan isikan tempat-tempat kosong dalam ayat di bawah.

- a) Ayah ___**nasihat**___ anaknya supaya tidak bergaul rapat dengan budak -budak yang nakal. (mem-i , me-i , di-kan)
- b) Pemandu kereta itu _____**bunuh** serta-merta dalam kemalangan itu. (ter , mem , di)
- c) Majlis itu ___**kendali**_____ oleh Jawatankuasa Kejiranan Kampong Lambak. (me-kan , me-i , di-kan)
- d) Makcik Limah sudah lama tidak datang ke rumah, sebab itulah dia ___**tanya**___ khabar ibu saya. (me-kan , me-i , ber-kan)
- e) Semalam Fatimah _____**pos**_____ surat pembantu rumahnya di Pejabat Pos. (meng-kan , di-kan , men-kan)
- f) Disepanjang _____**jalan**_____ kami ke Kuala Belait, adik tidak berhenti-henti bertanya apa yang dilihatnya di tepi jalan.
(men-kan , ber-an , per-an)

- g) Anjing-anjing liar yang _____ **keliar** _____ di kampung telah dihapuskan oleh pihak yang berwajib. (di-kan , ber-an , meng-an)
- h) Abdul Halim yang memperolehi ijazah kedoktoran itu, menjadi _____ **bangga** _____ seluruh keluarganya.
(ke-an , di-kan , me-an)
- i) _____ **baca** berita Radio Televisyen Brunei itu menggunakan sebutan baku. (Pen , Pem , Mem)
- j) Tumbuh-tumbuhan _____ **jalar** itu, menyeramkan lagi keadaan di kawasan perkuburan itu. (ter , me , men)